



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 19 Oktober 2022	
1	'Hanya jual hati, kaki ayam kalua pelanggan izin' - 'Kami bukan curi, pelanggan tak mahu' - Peniaga 'kebas' hati ayam dilabel tak jujur
2	'Siapa cepat dia dapat'
3	Wujud stok penimbal - Harga ayam hanya RM11 sekilogram - Buntu bekalan stok telur ayam kurang - Wujud stok penimbal
4	Shaking the ground - Farmers warn of egg shortage

DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



‘Hanya jual hati, kaki ayam kalau pelanggan izin’

RATA-RATA peniaga mendakwa kebanyakan pelanggan tidak makan dan enggan mengambil organ dalaman ayam seperti kaki, hati, tongkeng dan pedal menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk menjual semula bahagian itu kepada pembeli lain.

» BERITA DI MUKA 7



SETIAP kaki dan bahagian dalaman ayam yang tidak diingini pelanggan akan disedekahkan atau dijual semula selepas mendapat keizinan pembeli. — GAMBAR HIASAN

Peniaga jual, sedekah setelah dapat izin pembeli

'Kami bukan curi, pelanggan tak mahu'

PETALING JAYA — Sebilangan peniaga ayam menegaskan mereka tidak mempunyai niat untuk meraih keuntungan atas angin dengan menjual semula bahagian hati, pedal, kaki dan tongkeng, sebaliknya mengambilnya atas persetujuan pengguna.

Menurut mereka, kebanyakan pelanggan tidak mahu bahagian tersebut menyebabkan ada antara peniaga menjual kembali kepada pengguna atau pemilik restoran atau kedai makan selain bersedekah.

Seorang peniaga **Pasar Pudu, Kuala Lumpur** dikenali Ahmad berkata, dia menjual kembali bahagian-bahagian ayam berkenaan termasuk tongkeng setelah mendapat keizinan daripada pelanggan kerana mereka tidak makan kaki, hati dan pedal.

"Daripada membazir dan dibuang ke dalam tong sampah, lebih baik saya jual kepada pelanggan yang makan bahagian itu dengan harga lebih murah kerana organ dalaman ayam akan rosak, busuk selepas beberapa hari," katanya semalam.

Pandangan sama disuarakan peniaga di pasar awam daerah Timur Laut, **George Town, Pulau Pinang**, Mohamad Nasir Abdul Kalam, 31, yang memberitahu, sekiranya pengguna membeli ayam standard, mereka akan diberi bersama organ dalaman, manakala ayam super ditimbang tanpa organ tersebut.

"Kami bukan curi, kami hanya menjual apa yang ada mereka mahu atau tidak. Kami sedaya upaya tidak mahu



KERATAN Kosmo! semalam.

membazir dan simpan di dalam satu bekas sebelum menjual kepada mana-mana pelanggan yang mahukannya.

"Jika terlalu banyak atau tiada permintaan, kami akan beri secara percuma di premis-premis makanan atau menjadi makanan untuk haiwan peliharaan atau di jalanan sekiranya disimpan terlalu lama," ujarnya.

Di **Kemaman, Terengganu**, seorang peniaga, Mohd. Azman Ahmad, 50, memberitahu, sepanjang 15 tahun menjual ayam, tidak pernah terlintas untuk 'mencuri' kaki dan organ dalaman yang dibayar pelanggan kerana menyedari perkara itu salah.

"Mungkin ada (peniaga) yang berbuat demikian, tetapi saya rasa ia kes terencil dan tidak patut melabelkan semua peniaga ayam sama.

"Sekiranya pengguna rasa tertipu, mereka boleh mengadu kepada pihak berkuasa (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan saya yakin siasatan yang adil akan dilakukan," katanya.

Begitupun, Mohd. Azman berkata, bagi pelanggan yang tidak mahu organ dalaman, dia

akan memberikan sedikit bahagian isi ayam yang setara dengan nilai organ diambil kepada sebagai ganti.

Sementara itu, di **Kota Bharu, Kelantan**, Radziah Yaakub, 61, berkata, daripada 10 pelanggan yang datang ke kedainya, enam daripada mereka tidak mahu organ dalaman berkenaan dan pihaknya meminta keizinan untuk memberikan kepada pengguna yang mahu daripada si pembeli.

"Kami sedar salah mengambilnya tanpa izin mereka yang membayar dan bahagian itu saya tidak jual semula, sebaliknya sedekahkan kepada pelanggan lain," katanya yang berniaga di **Pasar Pulau Melaka** di sini.

Kata Radziah, dia menyedari terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menjual kaki, tongkeng, hati dan pedal ayam untuk mendapat untung atas angin berikutan jualan ayam semakin merosot ketika ini.

Peniaga di **Kuala Pilah, Negeri Sembilan**, Muhd. Azrin Mohd. Yusof berkata, dia yang telah 10 tahun menjual ayam tidak tergagak untuk melakukan aktiviti berkenaan demi mengaut keuntungan yang lebih.

Bagaimanapun katanya, sememangnya ada pelanggan yang tidak suka bahagian dalaman dan dia akan menimbang berat ayam sahaja setelah mengeluarkan hati dan pedal.

"Kami masih tahu halal haram, lebih-lebih lagi ini sumber pendapatan saya dan adik sejak belasan tahun lagi," katanya.

Peniaga 'kebas' hati ayam dilabel tak jujur

PETALING JAYA — Tindakan segelintir peniaga yang mengambil untung atas angin kerana menjual semula bahagian hati, pedal, kaki dan tongkeng ayam tanpa kebenaran dianggap tidak beretika.

Seorang peniaga di **Pasar Awam Masjid Tanah, Melaka**, Asrul Nizam Mohd. Noor, 40, berkata, pelanggan berhak mendapat semua organ dalaman berkenaan dan peniaga wajar memohon izin pengguna untuk menjual atau bersedekah bahagian tersebut.

"Tindakan tidak jujur ini kerana mahu mendapat untung dengan cara yang mudah. Harga kaki ayam ketika ini RM3 sekilogram, hati dan pedal RM5 sekilogram, sementara tongkeng RM8 sekilogram.

"Contohnya, peniaga mendapat untung RM6 jika menjual dua kilogram (kg) kaki ayam. Jika bergantung kepada jualan ayam sahaja, mereka perlu menjual sekurang-kurangnya lima ekor untuk mendapat keuntungan yang sama," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, seorang pengguna, Nik Nur Syazwani Ibrahim, 31, berkata, dia pernah membeli ayam tanpa diberikan bahagian pedal dan hati, sedangkan dirinya tidak pernah memberitahu bahawa dia tidak mahu bahagian tersebut.

"Untung tepi ini seolah-olah mahu mengambil kesempatan atas harga ayam yang semakin mahal ketika ini. Itu belum lagi caj upah potong ayam.

"Bagi saya, pelanggan perlu bijak dengan memantau proses pemotongan ayam dan periksa setiap bahagian yang diberikan," ujarnya.

Berbeza pandangan, suri rumah, Cecelia Amanda, 35, yang memberitahu, rata-rata



NIK NUR SYAZWANI

peniaga akan bertanya terlebih dahulu sama ada dirinya mahu atau sebaliknya sebelum membuat bayaran.

"Saya kebiasaannya akan ambil semua dan kadangkala, saya juga beli hati ayam sebab anak-anak suka dan harga pun murah, RM5 untuk satu kg.

"Pada pendapat saya, isu jual balik bahagian ayam tidak menjadi permasalahan jika ia mendapat kebenaran daripada pembeli," jelasnya.

Tambah Cecelia, terdapat segelintir penjual yang tidak bertanya sama ada pelanggan mahu bahagian dalaman dan hal berkenaan yang sepatutnya menjadi isu kerana ia seperti meragut hak sebagai pembeli.

Sementara itu, seorang pelanggan yang membeli ayam proses, Zainun Hussin, 57, berkata dia tidak pernah mengambil bahagian ayam seperti kaki, tongkeng, hati dan pedal kerana keluarganya tidak makan bahagian itu.

Menurutnya, kebiasaannya semasa membeli ayam proses, dia akan memberitahu peniaga untuk sedekahkan bahagian berkenaan kepada pelanggan lain.

"Ada juga peniaga meminta izin daripada saya untuk sedekahkan bahagian itu kepada pelanggan lain," katanya.



ASRUL NIZAM menyarankan semua peniaga memohon izin pelanggan untuk mengambil organ dalaman ayam.



SEORANG peniaga menunjukkan bekalan telur yang sudah habis dijual di kedainya di Pekan Pokok Sena, dekat Alor Setar semalam.

Pelanggan terpaksa 'berebut' untuk beli telur ayam **'Siapa cepat dia dapat'**

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

ALOR SETAR – Krisis bekalan telur ayam di sekitar Pokok Sena dan Padang Terap, dekat sini semakin serius apabila ramai peruncit dan pembekal makanan dikatakan tidak mendapat bekalan yang mencukupi untuk pelanggan mereka.

Keadaan itu menyebabkan ramai yang terpaksa mencari bekalan tersebut di daerah lain.

Peruncit, Mohd. Nasir Mahmud, 56, dari Pokok Sena berkata, dia tidak lagi mendapat jumlah telur yang mencukupi seperti diminta sejak sebulan lalu.

Ketara, peniaga hanya menghantar 25 papan telur pada

setiap Isnin dan Khamis, berbanding 40 papan sebelum ini.

"Jadi saya terpaksa menjual secara 'siapa cepat dia dapat' dengan bekalan telur habis dalam tempoh sehari sahaja.

"Ada peniaga makanan yang terpaksa menunggu sejak awal pagi bagi membeli bekalan telur untuk berniaga pada hari itu," katanya di sini semalam.

Ujarnya, ada pelanggannya terpaksa mencari bekalan telur ayam sehingga ke daerah lain.

"Masalah kekurangan bekalan ini mungkin akan menyebabkan harga telur naik dan ia sudah pasti membebankan pengguna dan peniaga kedai makan," ujarnya.

Bagi peniaga makanan, Nasri

Hashim, 52, dari Kuala Nerang, Padang Terap berkata, ketiadaan bekalan telur menyebabkan ramai peniaga makanan merungut.

"Saya terpaksa ke beberapa tempat bagi mendapatkan bekalan untuk berniaga. Setiap hari saya gunakan sebanyak 100 biji telur untuk pelbagai menu.

"Jika tidak dapat buat menu yang ditawarkan, ia sudah pasti akan menjejaskan perniagaan. Apabila bertanya kepada peniaga bila masalah ini akan berakhir, mereka jawab tidak pasti," jelasnya.

Tambahnya, setiap hari dia terpaksa mencari bekalan telur di lima ke 10 kedai, malah ada pekedai mula mencatu 10 biji telur untuk setiap pelanggan.

Penternak akui wujud gerakan rancang naikan harga

Harga ayam RM11 sekilogram

Oleh ARIF AIMAN ASROL, NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN dan ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Selangor, Terengganu dan Kelantan mengalami kekurangan bekalan ayam sehingga memaksa peniaga menaikkan harga antara RM9.40 hingga RM11 sekilogram.

Peniaga memberi alasan tindakan pembekal menaikkan harga menyebabkan mereka tidak mempunyai pilihan meletakkan harga melepasi siling RM9.40.

Di Kemaman, Terengganu, seorang peniaga di Pasar Besar Chukai, Zulkifli Kadir, 55, berkata, dia terpaksa menaikkan harga sebab harga pembekal meningkat.

"Sebelum ini, harga RM8.50 sekilogram, saya jual dengan harga RM9.50, namun sekarang dapat ayam pada harga RM9.20 hingga RM9.50 sekilogram, saya terpaksa jual RM10.50 hingga RM11 sekilogram sebab harga daripada pembekal meningkat," katanya ketika ditemui, semalam.

Bagi Mohd. Azman Ahmad, 50, kekurangan bekalan memaksanya mengambil tempahan awal.

"Walaupun pelanggan buat tempahan awal, namun saya tak dapat janji sebab saya sendiri hanya dapat bekalan ayam pada lewat malam dengan jumlah terhad," katanya.

Mohd. Azman berkata, dia juga buntu mencari bekalan ayam bagi



MOHD. Azman Ahmad menunjukkan ayam yang ditempah pelanggannya di Pasar Besar Chukai, Kemaman, Terengganu, semalam.
- UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

memenuhi pelanggan tetapnya iaitu kedai makan serta kantin sekolah dan asrama setiap hari.

Pembekal makanan asrama sekolah yang mahu dikenali sebagai Hisham, 43, berkata, dia terpaksa menukar menu pelajar asrama berikutan ketiadaan ayam.

"Di asrama memang kami perlukan jumlah ayam yang banyak. Kadangkala terpaksa tukar menu

lain seperti ikan sebab kekurangan bekalan ayam," ujarnya.

Di Kota Bharu, Kelantan, peniaga ayam segar mendakwa terpaksa mengehendkan jualan selepas pembekal bertindak mengurangkan bekalan bahan mentah itu sejak dua minggu lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Siti Khadijah dan Pasar Pusat Transformasi Luar

Bandar (RTC) di Tunjong mendapati bekalan ayam berkurangan bagaimanapun masih dijual pada harga siling RM9.40 sekilogram.

Peniaga, Marzuki Hashim, 39, berkata, sejak seminggu lalu dia hanya memperoleh sekitar 300 ekor hingga 400 ekor ayam sehari berbanding 600 ekor sebelum ini.

"Kalau mahu 400 ekor sehari, saya perlu mendapatkan dari dua atau tiga pemborong bagi mencukupkan bekalan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Di Lembah Klang, seorang peniaga yang enggan namanya disiarkan berkata, kebanyakan mereka terpaksa menjual ayam RM11 sekilogram kerana harga di peringkat ladang meningkat.

"Ya memang RM11 sekilogram harganya, bekalan juga boleh dikatakan sekarang tak dapat banyak seperti dahulu" katanya.

Sementara itu, seorang pedagang ketika dihubungi memaklumkan sudah ada gerak kerja mengatur langkah untuk menaikkan harga bekalan makanan itu pada Disember ini.

"Kami sebagai pemain industri sudah nampak, sebab kami rata-ratanya penternak kontrak dan tak dapat bekalan anak ayam.

"Ini menandakan bekalan ayam ada masalah di lapangan dan dua tiga bulan sebelum kami bukan sahaja dapat anak ayam sikit tetapi tidak berkualiti, bila tak berkualiti ni senang mati sebab sakit," jelasnya.

Buntu bekalan telur ayam kurang

PETALING JAYA: Kekurangan bekalan telur ayam terus membelenggu beberapa buah negeri menyebabkan pengguna dan peniaga buntu.

Di Kangar, Perlis, kekurangan bekalan telur ayam menyebabkan pengguna sukar mendapatkan barangan berkenaan sejak kebelakangan ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar raya dan kedai runcit mendapati rak telur kosong.

Seorang pembekal yang enggan dikenali berkata, kekurangan bekalan ketara Jumaat lalu apabila pengedar tidak menghantar mengikut jadual.

"Pembekal cuba ditekan oleh pengedar agar kami menaikkan harga telur namun saya tidak mahu berbuat demikian bagi menjaga pelanggan," katanya.

Di Kedah, kekurangan bekalan telur di Pokok Sena dan Padang Terap membimbangkan apabila peruncit dan peniaga makanan terpaksa mencarinya di daerah lain.

Peruncit, Mohd. Nasir Mahmud, 56, dari Pokok Sena berkata, masalah kekurangan telur bermula sebulan lalu.

"Ini menyebabkan saya terpaksa menjual secara siapa cepat dia dapat dan ini menyebabkan bekalan telur hanya mampu bertahan sehari sahaja" katanya.

Di Negeri Sembilan, kekurangan bekalan telur ayam turut dilaporkan berlaku di bandar ini.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Abu Bakar, 45, gangguan bekalan telur berlaku sejak beberapa hari lalu.

Begitu juga di Lembah Klang, peniaga peniaga restoran di Petaling Jaya tidak dapat menjual makanan seperti roti canai telur disebabkan kesukaran mendapatkan bekalan daripada pembekal.

Di Pulau Pinang, rata-rata peniaga di pasar awam di daerah Timur Laut mendakwa mereka semakin sukar mendapatkan bekalan sejak awal bulan.

Wujudkan stok penimbal

Dari muka 1

Katanya, cadangan itu wajar disegerakan memandangkan bekalan ayam sering mengalami situasi tidak menentu disebabkan anjakara pihak-pihak yang berkepentingan sehingga mendorong peniaga runcit tidak mempunyai pilihan untuk menaikkan harga di pasaran.

"Bagi kami sebagai pemain industri, cadangan itu memang perlu sebab sekiranya keadaan semasa ini tidak dibendung dengan pemerintahan, memang akan menyebabkan pihak-pihak lain terus mengambil kesempatan untuk kepentingan sendiri.

"Negara-negara lain pun yang pegang sebenarnya bukan pemerintah, tetapi sistem beraja sebab mereka menganggap bekalan makanan untuk rakyat adalah satu

benda yang perlu dihormati dan dijaga," katanya ketika dihubungi.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, ketika Deepavali bakal menjelang dan rakyat Malaysia sibuk dengan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), kartel ayam dan telur pula sibuk mencatu bekalan ayam serta telur sehingga menimbulkan rungutan orang ramai mengenai kekurangan kedua-dua bahan mentah tersebut di pasaran.

Kejadian ini sama seperti mana dilaporkan akhbar pada Mei tahun lalu, sekumpulan kartel sekali lagi bermaharajalela untuk mengaut keuntungan, pemain-pemain industri juga menjangkakan menjelang Disember ini keadaan itu akan menjadi lebih teruk.

"Kami berjihad tetapi ada juga mengambil kesempatan, kami sedih sebenarnya. Kami menternak untuk bagi rakyat makan tetapi

kita pula dikatakan sebagai ancaman pada negara," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, dengan menubuhkan lembaga yang mengawal menyeluruh berkaitan industri ayam, ia akan memberi titik noktah kepada tindakan sabotaj yang dilakukan kartel ketika ini.

"Kita sudah sebut berulang kali, kami cadangkan penubuhan lembaga unggas untuk ayam, kalau nanas ada, tembakau ada tetapi pi ayam yang menjadi makanan utama untuk rakyat tiada?"

"Kita asyik merujuk kepada kartel, jadi kita yang rugi. Memang sepatutnya ada sebuah badan mahupun lembaga yang menyempurnakan strategi kita untuk mengawal bekalan sumber makanan itu dan ia perlu bebas daripada cam-

pur tangan politik," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, perlu ada satu cara yang komprehensif untuk jangka masa panjang bukan hanya penyelesaian 'dua minit'.

"Kenapa kita masih ada masalah berkaitan bekalan ayam dan bahan makanan lain, sampai hari ini agensi-agensi kerajaan tidak keluaran satu kertas putih atas sebab sebenarnya kenapa negara masih ada masalah tersebut walaupun sudah tutup eksport.

"Kita perlu cari cara bagaimana kita boleh membantu golongan yang menjaga sekuriti makanan negara untuk meningkatkan penghasilan produktiviti. Libatkan semua pihak dari bawah ke atas untuk mencari jalan yang tulus," jelasnya.

TARIKH

19.10.2022

MEDIA

THE STAR

RUANGAN

NATION

MUKA SURAT

FP &3

Shaking the ground

Floods, political discord, soaring prices and even the perceived misdeeds of a former attorney-general. These are among the hot-button local and national issues which are set to headline the election campaign. Traders, though, are expecting good profits. > See reports on pages 4 & 5



An eggs-treme problem: An 'eggs sold out' sign is displayed at a wholesale shop in Seri Kembangan. The shelves of major supermarkets and sundry shops are also empty of price-controlled eggs and poultry farmers say the shortage can only be overcome if the government floats the prices of eggs. > See report on page 3

Farmers warn of egg shortage

Not enough supply due to higher chicken feed prices and rainy season

PETALING JAYA: Poultry farmers have warned that the current shortage of price-controlled eggs in the market would worsen ahead of the year-end festive season.

Commenting on the phenomenon where shelves at major supermarkets and sundry shops were empty of eggs recently, industry players say the situation was unlikely to ease even next year, owing to several factors.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia deputy president Lee Yoon Yau said that the situation would not improve unless the government floated the prices of eggs that are currently regulated and leave it to market forces.

The mandated ceiling retail prices for Grade A, B, and C eggs since July are 45sen, 43sen, and 41sen, respectively. A Grade A egg will weigh anything from 65g to 69.9g, while B

and C eggs are in the range of 60g to 64.9g, and 55g to 59.9g, respectively.

The price control mechanism does not apply to branded or "designer" eggs that are often enriched by the addition of supplements such as Omega-3 fatty acids and so on, nor does it cover organically-produced or kampung eggs.

Lee said every time the ringgit slides against the US dollar, which is the currency denomination used when importing raw materials for poultry feed, costs go up for farmers.

"If the ringgit slides further against the US dollar in the near future, the imported feed raw material will become more expensive."

"This will lead to higher egg production costs, and farmers will be even more financially constrained."

"The situation will likely continue throughout next year," he told *The Star*.

On Monday, the ringgit opened at 4.7 against the US dollar, a level that is close to its historical low.

Johor-based egg producer Wong Wei Chang said the prices of maize and soybean meals – the two main ingredients for chicken feed – had gone up this month.

"Maize that costs RM1,600 per tonne last month has increased to RM1,700, causing operating costs to increase again."

Due to the higher production costs, Wong said he had to cut down his production from 160,000 eggs to 120,000 eggs per day in the past two years.

"For now, I have to cut down on egg supply to my regular customers. I also have to turn down new orders because I cannot increase production. When I turn to bigger farms for help, they are also facing a shortage," he added.

Wong said failure to safeguard the interest of farmers can have disastrous consequence for egg production, which depends on many variables, including the weather.

"A hen lays an egg a day, and there will be days when it does not. Farms are not factories."

"It's not like you can recover production in a day or increase production when you feed the hens more."

"The upcoming rainy season will also affect egg production in hens," said Wong, who hopes the new government will look into poultry farmers' issues and adopt a win-win solution so that consumers can buy eggs at reasonable prices.

Supermarket chain NSK Group is also facing problems with its supply of eggs, with its group senior advisor Datuk Lim Choon Se saying suppliers could only meet 30% of his supermarkets' demand, and

described the situation as serious.

"The eggs are not enough. We have to set purchase limits among customers, but not for hawkers," he said, adding that the eggs also sold out quickly within hours after arriving at most outlets.

Klang Coast Sundry Goods Merchants' Association president Tan Teck Hock said egg supplies among members dropped 50% since last week.

He said some consumers had to resort to buying kampung eggs, which are not price controlled.

A sundry shop owner who only wants to be known as Chaang concurred, saying some of his regulars got angry when they could not buy eggs.

"I also see more new customers who come to my shop looking for eggs, including hawkers who ask for more supplies," he said.